



"Hai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan tinggalkan sisa riba (yang belum dipungut) jika kamu orang-orang yang beriman" (Al-Baqarah [2:278])

"O you who believe ! Fear Allah, and give up what remains of your demand for usury, if you are indeed believers"
(Al-Baqarah [2:278])

RIBA USURY DAN PENGHARAMANNYA AND ITS PROHIBITION

Kandungan / Content

PERKARA / ITEM	MUKA SURAT / PAGE
Pendahuluan / <i>Introduction</i>	5
Manusia sebagai Khalifah Allah: Hubungkait dengan Falsafah Kewangan Islam <i>Man as the Khalifah of Allah: From the Perspective of Islamic Finance</i>	6
Riba dan Pengharamannya / <i>Usury and its Prohibition</i>	9
<ul style="list-style-type: none">• Unsur-Unsur dan Elemen-Elemen Haram Dalam Transaksi Muamalat Islam / <i>Prohibited Factors and Elements In Islamic Muamalat Transactions</i>• Maksud Riba / <i>The Definition of Usury</i>• Dalil-Dalil Pengharaman Riba / <i>The Evidence for its Prohibition</i>• Jenis-jenis Riba / <i>Types of Usury</i>• Akibat dan Kesan Riba / <i>The Impact of Usury</i>• Riba Dalam Syariat Yahudi dan Masihi / <i>Usury from the Perspectives of Judaism and Christianity</i>• Hikmah Pengharaman Riba / <i>The Benefits and Blessings of Prohibiting Usury</i>	
Bagaimana Sistem Islam Boleh Mengatasinya / <i>How does the Islamic System Overcome Usury?</i>	20
<ul style="list-style-type: none">• Nilai-Nilai Syariah Selari Dengan Nilai-Nilai Sejagat / <i>Shariah Values are in Harmony with Universal Values</i>	21
Pandangan Tokoh-Tokoh Mengenai Riba Dan Perbankan Islam / <i>Personalities Viewpoints on Usury and Islamic Banking</i>	24
Penutup / <i>Conclusion</i>	27
Glosari / <i>Glossary</i>	28
Lampiran / <i>Appendix</i>	30
Rujukan / <i>References</i>	31



PENDAHULUAN

Muamalat merupakan salah satu daripada bidang pengkhususan fiqh yang membincangkan aspek-aspek urusniaga seperti jual beli, sewa, cagaran dan sebagainya. Pada masa kini, fiqh muamalat turut merangkumi bidang perbankan, kewangan, pasaran modal, dan sebagainya.

Berbeza dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan ibadat khusus, nikah kahwin (munakahat) atau jenayah (jinayah), nas-nas Syara' yang membincangkan persoalan muamalat biasanya berbentuk umum dan tidak terperinci.


Hikmah tentang perkara-perkara berkaitan muamalat tidak dinyatakan secara khusus ialah agar ia lebih anjal (murunah) dan tidak menyebabkan kesulitan kepada orang ramai. Ini selari dengan objektif Syariah (maqasid Syariah) yang bertujuan untuk mewujudkan kemaslahatan dan menolak kemudaratan. Di samping itu, ia juga bagi membolehkan ijihad dilaksanakan agar sesuatu hukum yang dibuat bersesuaian mengikut perubahan zaman, tempat, dan adat.

INTRODUCTION

Muamalat or Islamic Commercial Transactions is one of the fields of specialisation in fiqh. It deals with the various aspects of business, such as trading, rental, and collateral. Currently, Islamic Commercial Transactions also encompasses the fields of banking, finance, and capital markets, among others.

Unlike matters related to worship, marriage and the solemnisation of marital vow (munakahat) or crime (jinayah) Syara' evidence supporting muamalat issues is usually more general and less detailed.

The benefits related to muamalat issues have not been specifically stated in order to make the laws more flexible (murunah) and refrain from burdening mankind. This is in line with the objectives of the Shariah (maqasid Shariah) which aims to instill good judgement (maslahah) and to mitigate the negativity. In addition, this will enable ijihad to be implemented so that the resolution made will be deemed suitable and adaptable to the changes of era, places, and customs.



Muamalat adalah berkait rapat dengan konsep keadilan (*Al-'Adlu*) dan belas kasihan (*Al-Ihsan*). *Al-'Adlu* bermaksud meletakkan sesuatu sesuai pada tempatnya. Dari sudut kewangan dan ekonomi, agihan kekayaan bukanlah semestinya sama rata tetapi mengikut kesesuaian dengan mekanisma yang dibenarkan sehingga menyumbang positif kepada kebaikan ekonomi seluruh rakyat dengan memenuhi keperluan asasi manusia, membasmikan punca-punca kesulitan, dan meningkatkan kualiti hidup. *Al-Ihsan* pula bermaksud menjuruskan aktiviti ekonomi Islam bukan dengan tujuan keuntungan material semata-mata tetapi mengambil kira kemaslahatan umum.

MANUSIA SEBAGAI KHALIFAH ALLAH S.W.T: HUBUNGKAIT DENGAN FALSAFAH KEWANGAN ISLAM

Mengikut pandangan Islam, Allah S.W.T. adalah pemilik yang sebenar. Memandangkan segala sesuatu yang dimiliki manusia bukan milik sebenar tetapi milik mutlak Allah S.W.T, maka kekayaan alam ini hendaklah dinikmati dan dikongsi bersama berdasarkan hak-hak yang telah digariskan oleh Syara' seperti hak orang miskin, orang kaya, penjual, pembeli, orang perseorangan, masyarakat, dan lain-lain termasuklah hak terhadap alam sekitar serta hidupan lain.

Manusia telah diciptakan oleh Allah S.W.T. dengan tujuan yang jelas iaitu untuk mengabdikan diri kepada Allah. Semua makhluk adalah ciptaan-Nya. Dialah pencipta segala sesuatu sama ada di bumi, di langit dan di antara keduanya. Manusia telah diciptakan oleh Allah S.W.T. dengan tujuan yang jelas iaitu hanya untuk mengabdikan diri kepada-Nya.

Allah S.W.T. telah menentukan peranan dan tanggungjawab manusia terhadap alam dan kekayaannya. Kekayaan alam ini

*Muamalat relates closely with the concepts of fair (*Al-'Adlu*) and compassion (*Al-Ihsan*). *Al-'Adlu* means placing a subject in a suitable position or context. From the financial and economic viewpoints, wealth need not be distributed equally. Instead, distribution can be carried out according to permitted mechanisms that have a positive impact on the economic welfare of the community by fulfilling basic human needs, annihilating the sources of problems and enhancing the quality of life. Meanwhile, *Al-Ihsan* expands the holistic scope of Islamic economic activities beyond the sole objective of material profits by also considering the public's best interests.*

MAN AS THE KHALIFAH OF ALLAH S.W.T: FROM THE PERSPECTIVE OF ISLAMIC FINANCE PHILOSOPHY

According to the Islamic perspective, Allah S.W.T. holds the ultimate ownership over everything. Bearing in mind that everything possessed by man is not truly his own but belongs absolutely to Allah S.W.T, the wealth of this universe must be enjoyed and shared based on the rights outlined by the Syara'. These include the rights of the poor, the rich, traders, buyers, individuals, and the community as well as environmental rights and the rights of other living beings.

Humans are created by Allah S.W.T. with a clear purpose, which is to submit solely to Him. All creatures are His creation. He is the Creator of everything on earth, in the sky and in between. Humans are created by Allah S.W.T. solely to worship and obey him.

Allah S.W.T. has determined the roles and responsibilities of mankind towards the universe and its wealth. The wealth enjoyed by humans is a trust granted by Allah S.W.T. that must

yang dinikmati oleh manusia adalah amanah Allah S.W.T. yang mesti dipelihara dan dipergunakan mengikut lunas-lunas yang telah ditetapkan dalam Syariat.

Kurniaan Allah S.W.T. dan limpahan rahmat serta nikmat terhadap hamba-Nya bermula daripada penciptaan sehingga hal penguasaan mereka terhadap segala yang ada di bumi. Matlamat utama kejadian manusia adalah untuk beribadat kepada Allah S.W.T. Perkara ini dijelaskan melalui firman-Nya yang bermaksud:

“Dan tidaklah Aku ciptakan jin dan manusia itu melainkan untuk menyembah kepada-Ku.”
(Al-Zariyat [51:56])

Untuk mencapai matlamat ini, manusia diperintahkan mengikut ajaran Islam yang diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W. secara menyeluruh. Ini adalah kerana, Islam itu lengkap dan meliputi segala aspek kehidupan manusia dan jika manusia mengikut ajaran Islam secara keseluruhan melalui ajaran Al-Quran dan Al-Sunnah, maka dia dijamin untuk mendapat kesejahteraan di dunia dan di akhirat. Firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

“Wahai orang beriman, masuklah kamu ke dalam Islam keseluruhannya.”
(Al-Baqarah [2:208])

Sebagai khalifah Allah S.W.T. di atas muka bumi, manusia memikul amanah yang cukup besar. Manusia bertanggungjawab sepenuhnya untuk memakmurkan bumi serta memelihara segala khazanah kekayaan Allah S.W.T. daripada segala bentuk ancaman, kerosakan, dan kemusnahan. Apabila amanah tidak dilaksanakan, akan berlakulah kerosakan di bumi ini. Firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

“Telah nampak kerosakan di darat dan di laut disebabkan kerana perbuatan tangan manusia, supaya Allah S.W.T. merasakan kepada mereka sebahagian dari (akibat) perbuatan mereka, agar mereka kembali (ke jalan yang benar)”
(Al-Rum [30:41])

Golongan yang melakukan kerosakan ini adalah mereka yang hanyut dan karam di dalam arus kemewahan dan kebendaan

be preserved and utilised according to the rules and regulations laid down in the Shariah.

The blessings provided by Allah S.W.T. to His servants begin from the moment of creation until their dominance over everything that exists on earth. Humans were created solely to worship Allah S.W.T. This is explained in Allah S.W.T's revelation, meaning:

“I have only created Jinn and man, so that they may serve Me”
(Al-Zariyat [51:56])

To achieve this objective, man is commanded to completely follow the teachings of Islam which were revealed to the Prophet Muhammad S.A.W. The rationale behind this is that Islam is comprehensive and it encompasses all aspects of life. If mankind abides by the teachings of Islam as a whole according to the teaching of the Al-Quran and the Sunnah, they are guaranteed prosperity in this world and in the afterlife. Allah's revelation, meaning:

“O you who believe! Enter into Islam whole-heartedly.”
(Al-Baqarah [2:208])

As the vicegerent (khalifah) of Allah S.W.T. on earth, mankind shoulders heavy responsibilities. Man is fully accountable for bringing prosperity to the world while preserving Allah S.W.T.'s blessings of wealth against all threats, damage and destructions.

“Mischief has appeared on land and sea because of (the need) that the hands of men have earned, that (Allah) may give them a taste of some of their deeds, in order that they may turn back (from evil).”

(Al-Rum [30:41])

The factions who indulge in destruction and corruption are those who are adrift and drowning in a sea of luxury and materialism. The new millennium bears witness that human values today are corroded by extrinsic values and materialism.

(materialisme). Alaf baru kini menyaksikan bahawa nilai insani banyak bergantung kepada nilai kebendaan dan luaran.

Manusia merupakan tema utama di dalam kitab suci Al-Quran. Al-Quran juga dengan jelas memberi tumpuan kepada pembinaan dan pembangunan manusia sebagai khalifah Allah S.W.T. dalam memakmurkan bumi serta ciri-ciri insan yang bertamadun. Jelasnya, mesej utama Al-Quran adalah untuk memimpin manusia itu sendiri ke arah kebenaran dan kesejahteraan.

Akhlik dengan Allah S.W.T. dan Rasul-Nya

Akhlik dengan Allah S.W.T. dan Rasul-Nya bermakna menumpukan sepenuhnya ketakwaan, keimanan, kepatuhan dan keikhlasan kepada Allah S.W.T. dalam segenap aktiviti kehidupan. Tuntutan mentaati Allah S.W.T. dan Rasul-Nya merupakan satu tuntutan asasi yang terlalu banyak ditekankan oleh Al-Quran dan Al-Sunnah. Allah S.W.T. juga menuntut kita sentiasa mensyukuri nikmat yang dikurniakan-Nya.

Kebinasaan biasanya berpunca daripada sikap manusia itu sendiri. Di mana mereka sanggup memilih sesuatu yang telah Allah S.W.T. haramkan demi mengaut keuntungan atas kesusahan orang lain. Asas dalam muamalat Islam adalah untuk mengelakkan kezaliman iaitu memakan harta orang lain dengan cara yang batil atau salah. Berpunca daripada itu, Islam menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba.

Perkara ini adalah sangat berkaitan dengan konsep manusia sebagai hamba Allah S.W.T., yang harus taat dan patuh atas segala arahan dan larangan Allah S.W.T. Manusia yang juga berperanan sebagai khalifah juga memegang amanah dalam melaksanakan dan mengaplikasikan suruhan dan meninggalkan segala tegahan Allah S.W.T.

Amalan riba adalah salah satu contoh larangan Allah S.W.T. yang perlu dihindari dan sangat bertentangan dengan asas muamalat Islam dan ia juga adalah tidak selari dengan falsafah kewangan Islam.

Man is the central theme in the Holy Al-Quran. The Al-Quran also clearly focuses on the development and nurturing of man as the vicegerent of Allah S.W.T, entrusted with prospering the world and demonstrating the hallmarks of civilised citizens. Truly, the principal message conveyed by the Al-Quran is to guide man towards the path of truth and the Al-Quran has been revealed to all mankind for universal guidance.

Akhlaq (Islamic Ethics) Towards Allah and His Prophet

The akhlaq that we should adopt towards Allah S.W.T. and His Prophet entails focusing wholeheartedly on faith, belief, obedience and sincerity towards Allah S.W.T. in all areas of life. The requirement of loyalty to Allah S.W.T. and His Prophet is a fundamental command that is heavily emphasised in the Al-Quran and Sunnah. Allah S.W.T. also commands us to continually be thankful for His blessings.

Destruction usually occurs due to human attitudes, whereby a person is willing to choose the prohibited option for the sake of gaining profits via another's misfortunes. The basis of Islamic muamalat is to avoid cruelty and harming others by wrongfully consuming other people's possessions. Bearing that in mind, Islam has allowed trading and forbidden usury.

This is irrevocably linked to the concept of man as the servants of Allah S.W.T, who are commanded to obey all his commands and prohibitions. Man as the vicegerent also upholds His mandate in implementing and practicing His commands and avoiding His prohibitions.

Usury is one example of Allah S.W.T's prohibitions which strongly opposes the basis of the muamalat and thus must be avoided. Neither is riba compliant with Islamic finance philosophy.

RIBA: PENGHARAMANNYA

Unsur-Unsur dan Elemen-Elemen Haram dalam Transaksi Muamalat Islam

Terdapat beberapa unsur dan elemen yang diharamkan oleh Islam secara mutlak di dalam urus niaga dan transaksi muamalat Islam. Unsur-unsur ini boleh menyebabkan sesuatu urus niaga itu menjadi tidak bertepatan dengan Syariah, haram, dan terbatal. Di antara unsur-unsur dan elemen-elemen tersebut adalah seperti berikut:

- Riba
- Ketidakpastian (gharar)
- Judi
- Penipuan atau khianat; dan
- Barang/perkhidmatan yang haram

Penerbitan kali ini akan menyebut tentang salah satu di antara unsur-unsur yang diharamkan oleh Islam di dalam sistem muamalat Islam, di mana unsur ini jarang digeruni akan pengharamannya di kalangan masyarakat hari ini. Diharapkan dengan penerangan ringkas di dalam terbitan ini dapat menyedarkan masyarakat umum akan pengharamannya. Unsur yang dimaksudkan adalah unsur RIBA.

Maksud Riba

Dari segi bahasa riba bermaksud tambahan atau subur. Seperti firman Allah S.W.T:

“...kemudian apabila Kami menurunkan hujan menimpanya, bergeraklah tanahnya, dan gembur membusutlah ia....”
(Al-Hajj [22:5])

Mengikut definisi Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti, dari segi Syara' riba bermaksud, “tambahan atau lebih yang diperolehi oleh salah satu pihak

USURY: AND ITS PROHIBITION

Prohibited Factors And Elements In Islamic Muamalat Transactions

There are several factors and elements in Islamic muamalat transactions which are wholly forbidden by Islam. These elements may cause a transaction to be forbidden (haram), deviate from the Shariah, and become null and void. Among these elements and factors are:

- Usury (riba)
- Uncertainty (gharar)
- Gambling
- Deception or betrayal; and
- Providing forbidden items/services

This publication will elaborate on one of these key elements forbidden by Islam in the muamalat system, although its prohibition is taken lightly among society today. It is hoped that this concise publication will create increased awareness of this prohibited element, which is USURY (RIBA).

THE DEFINITION OF USURY (RIBA)

In lexical terms, 'riba' is defined as an addition, fertility or fecundity. Allah S.W.T. revealed:

“...but when We pour down rain on it, it is stirred (to life), it swells...”

(Al-Hajj [22:5])

The Shariah Advisory Council of the Securities Commission's definition of riba from the perspective of Syara', 'the extra or excess gained by one of the parties from another party without

daripada pihak yang lain tanpa mendapat imbalan yang wajar”.

Dalil-Dalil Pengharaman Riba

Riba dalam Islam telah jelas akan pengharamannya tanpa ada percanggahan pendapat oleh para ulama'. Terdapat beberapa ayat Al-Quran dan hadis yang jelas mengharamkan riba. Semoga dengan dalil-dalil yang jelas ini dapat memberikan penjelasan kepada semua akan pengharaman riba. Di antara ayat-ayat yang memberikan amaran keras oleh Allah S.W.T. adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

*“Orang yang memakan riba itu tidak dapat berdiri betul
melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk Syaitan
kerana sentuhan (Syaitan) itu. Yang demikian ialah disebabkan
mereka mengatakan: Bahawa sesungguhnya jual beli itu sama
saja seperti riba. Padahal Allah telah menghalalkan jual beli
dan mengharamkan riba. Maka sesiapa yang telah sampai
peringatan dari Tuhan mereka lalu ia berhenti, maka baginya apa
yang telah diambilnya dahulu dan perkaranya terserahlah
kepada Allah. Dan sesiapa yang mengulangi lagi (mengambil
riba) maka mereka itulah ahli neraka, mereka kekal di
dalarnya (275). Allah susutkan riba, dan mengembangkan
sedekah. Dan Allah tidak suka kepada setiap orang yang
kekali terus dalam kekufturan, dan selalu melakukan dosa
(276). Sesungguhnya orang yang beriman dan beramal salih,
dan mengerjakan sembahyang serta memberikan zakat,
mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka, dan tidak ada
keimbangan (dari berlakunya sesuatu yang tidak baik)
terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berduakacita
(277). Wahai orang yang beriman! Bertakwalah kamu kepada
Allah dan tinggalkanlah sisa riba (yang belum dipungut), jika
benar kamu orang yang beriman (278). Maka jika kamu tidak
melakukan (perintah tinggalkan riba itu) maka ketahuilah
Allah S.W.T. dan Rasul-Nya akan memerangimu dan jika kamu
bertaubat, maka hak kamu ialah pokok asal harta kamu. Kamu
tidak berlaku zalim kepada sesiapa, dan kamu juga tidak
dizalimi oleh sesiapa (279). Dan jika orang yang berhutang
itu dalam kesempitan hidup, maka berilah tempoh sehingga
lapang hidupnya. Dan jika kamu sedekahkan hutang itu adalah
lebih baik untukmu, kalau kamu mengetahui (pahalanya amat
besar akan kamu dapatkan kelak) (280). Dan peliharalah dirimu
dari azab hari (kiamat) yang kamu akan dikembalikan kepada
Allah. Kemudian akan disempurnakan balasan tiap-tiap*

obtaining the supposed return’.

The Evidence For Its Prohibition:

The prohibition of usury in Islam is very clear-cut, so much so that there is no conflict of opinion amongst the scholars. Several Quranic verses as well as hadith clearly forbid usury. Among the verses revealed by Allah S.W.T. which denounce and warn strongly against usury are:

“Those who devour usury will not stand except as one whom the Evil One by his touch has driven to madness. That is because they say: “Trade is like usury,” but Allah has permitted trade and forbidden usury. Those who, after receiving direction from their Lord, desist, shall be pardoned for the past: their case is for Allah (to judge); but those who repeat (the offence) are Companions of the Fire: they will abide therein (for ever) (275). Allah will deprive usury of all growth but will give increase for deeds of charity; for He loves not creatures ungrateful and wicked (276). Those who believe, and do deeds of righteousness, and establish regular Prayers and Regular charity, will have their reward with their Lord: on them shall be no fear, nor shall they grieve (277). O you who believe! Fear Allah, and give up what remains of your demand for usury, if you are indeed believers (278). If you do it not, take notice of war from Allah and His Messenger: but if you turn back, you shall have your capital sums: deal not unjustly, and you shall not be dealt with unjustly (279). If the debtor is in a difficulty, grant him time till it is easy for him to repay. But if you remit it by way of charity, that is best for you if you only knew (280). And fear the Day when you shall be brought back to Allah. Then shall every soul be paid what it earned, and none shall be dealt with unjustly (281).

(Al-Baqarah[2:275-281])

seorang menurut apa yang diusahakannya, sedang mereka tidak dikurangkan balasannya sedikitpun (281).

(Al-Baqarah[2:275-281])

“Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu memakan riba dengan berlipat-ganda; dan hendaklah kamu bertakwa kepada Allah supaya kamu berjaya.”

(Ali ‘Imran[3:130])

“Dan sesuatu pemberian (riba) yang kamu berikan, supaya bertambah kembangnya dalam pusingan harta manusia maka ia tidak sekali-kali akan kembang di sisi Allah. Dan sebaliknya sesuatu pemberian sedekah yang kamu berikan dengan tujuan mengharapkan keredhaan Allah semata-mata, maka mereka yang melakukannya itulah orang yang beroleh pahala berganda-ganda.”

(Al-Rum[30:39])

“Dan juga (disebabkan) mereka mengambil riba padahal mereka telah dilarang melakukannya, dan (disebabkan) mereka memakan harta orang dengan jalan yang salah. Dan (ingatlah) Kami telah menyediakan bagi orang yang kafir di antara mereka, azab seksa yang tidak terperi sakitnya.”

(Al-Nisa'[4:161])

Hadis di bawah adalah penjelasan Nabi S.A.W. tentang kedudukan sebenar pemakan riba, wakil, saksi dan penulisnya yang telah dilaknat Allah S.W.T. di mana sabda Nabi S.A.W:

“Allah melaknat pemakan riba, yang memberi makan, dua orang saksinya dan juru tulisnya.”

(Riwayat Ahmad, Tirmizi, dan Ibn Majah)

“O you who believe ! Devour not usury, doubled and multiplied; but fear Allah; that you may (really) prosper.”

(Ali ‘Imran[3:130])

“That which you lay out for increase through the property of (other) people, will have no increase with Allah: but that which you lay out for charity, seeking the Countenance of Allah, (will increase); it is these who will get a recompense multiplied.”

(Al-Rum[30:39])

“That they took Usury, though they were forbidden; and that they devoured men’s substance wrongfully – We have prepared for those among them who reject Faith a grievous punishment.”

(Al-Nisa'[4:161])

The hadith below is the explanation given by the Prophet S.A.W. about the actual position of the takers, representative, witness and writer of usury who are all condemned by Allah S.W.T.:

“Allah S.W.T. curses the receiver of usury, the giver of usury, the two witnesses, and the writer (of the usury contract).”

(Narrated by Ahmad, Tirmidzi, and Ibn Majah)

JENIS-JENIS RIBA

Para Fuqaha' membahagikan riba kepada pelbagai jenis, namun untuk keluaran kali ini cukup untuk kita mengetahui dua jenis yang utama. Pengertian dan cara riba tersebut berlaku mengikut dua jenis riba tersebut. Secara umumnya, riba terbahagi kepada dua jenis riba yang utama, iaitu riba yang berlaku di dalam urusan jual beli dan ianya dikenali sebagai riba al-buyu' dan riba yang berlaku di dalam urusan hutang piutang dan ianya dikenali sebagai riba al-duyun.

Riba Al-Buyu'

Riba al-buyu' ialah riba yang berlaku dalam akad jual beli barang ribawi dan berlaku dalam dua keadaan. Keadaan yang pertama ialah jual beli atau pertukaran antara barang ribawi yang sama jenis dengan berbeza kadar berat atau kuantiti. Keadaan yang kedua adalah jual beli atau pertukaran di antara barang ribawi yang berlainan jenis tetapi sama illah ribanya secara tertangguh (bukan dalam satu masa). Sepertimana dinyatakan di dalam hadis riwayat Muslim dalam syarat pertukaran barang ribawi.

Sebagai contoh bagi keadaan yang pertama, jual beli antara 5 gram emas (jenis 916) dengan 6 gram emas (jenis 750). Ianya haram kerana berlaku lebihan pada emas jenis 750 dan ianya adalah riba. Sepatutnya kedua-dua emas tersebut sama berat timbangannya. Jenis kualiti tidak memberi kesan kepada hukum. Contoh bagi keadaan yang kedua, Puan Ruhana membayar RM3,585 untuk membeli matawang Rupiah Indonesia berharga RP100,000, oleh kerana masalah-masalah yang tidak dapat dielakkan, matawang Rupiah tersebut diserahkan kepada Puan Ruhana selepas seminggu. Akibat menangguhkan penyerahan matawang tersebut berlakunya riba kerana pertukaran diantara barang ribawi (matawang Rupiah dan Ringgit) oleh Puan Ruhana dikira sebagai riba yang diharamkan oleh Islam. Ini adalah kerana pertukaran atau belian antara barang ribawi yang sama illah ribanya (dalam contoh ini illah riba adalah alat pertukaran) hendaklah berlaku secara serentak di dalam majlis akad.

Riba Al-Duyun

Riba al-duyun ialah riba yang berlaku dalam akad pinjaman

TYPES OF USURY

The Fuqaha' divides usury (riba) into a number of categories, yet for the purpose of this publication it is sufficient to understand the two main categories. These two types of usury determine their definitions and the circumstances and methods through which they take place. In general, riba is divided into two main categories: the riba that occurs in trading affairs is known as riba al-buyu' while the riba that occurs in matters pertaining to debt is referred to as riba al-duyun.

Riba Al-Buyu'

Riba al-buyu' is the usury which arises in the contract (aqad) of trading of ribawi items and occurs in two circumstances. The first situation being the trading or exchange of two usurious items with differences in weight or quantity. The second situation being the trading or exchange of different ribawi items but the exchange takes place in deferment. Thus, the deferral is considered usury. As stated in the hadith narrated by Muslim, this deferred exchange conflicts with the terms and conditions applied in the exchange of ribawi items.

To illustrate the first situation, consider the trading of 5 grams of gold (type 916) and 6 grams of gold (type 750). This exchange is forbidden due to the excess of the 750-type gold and is considered usury. The two types of gold are supposed to have the same weight, regardless of quality. In the second situation, let's say Mrs. Ruhana pays RM3,585 to purchase Indonesian Rupiah currency worth RP100,000, but due to unavoidable problems the Rupiah can only be handed over to Mrs. Ruhana after a week. As the result of delaying the hand-over, usury has occurred because of the delayed exchange of the ribawi items (Rupiah and Ringgit currencies) by Mrs. Ruhana is considered usury. An exchange or purchase of ribawi items with the same illah must occur simultaneously in an aqad ceremony.

Riba Al-Duyun

Riba al-duyun is the usury that occurs in the contract (aqad) of debt and loans. This type of riba also arises under two circumstances. The first occurs when an additional rate or

hutang. Riba jenis ini juga berlaku dalam dua keadaan. Keadaan yang pertama berlaku apabila kadar atau manfaat tambahan yang disyaratkan atas pemberian jumlah pinjaman pokok. Keadaan kedua berlaku apabila kadar atau manfaat tambahan lebih dari jumlah pinjaman pokok yang dikenakan akibat si peminjam gagal membayar jumlah pinjaman yang ditetapkan pada tempoh yang dipersebutui.

Contoh bagi keadaan yang pertama, misalnya En. Ikram memohon pinjaman wang berjumlah RM10,000 dari bank konvensional dan disyaratkan membayar balik wang tersebut dengan nilai RM18,000. Maka lebihan nilai hutang pokok tersebut yang bernilai RM8,000 itu adalah riba. Bagi keadaan yang kedua, En. Ikram menjual kereta berharga RM40,000 secara tangguh dalam tempoh 5 tahun. Disebabkan pembeli tidak dapat membayar dalam tempoh yang dijanjikan, En. Ikram memanjangkan lagi tempoh pembayaran dengan menambahkan hutang yang perlu dibayar oleh pembeli. Maka tambahan yang dikenakan itu adalah riba.

AKIBAT DAN KESAN RIBA

Pengamal Riba Sebenarnya Diperangi Allah S.W.T. dan Rasul-Nya:

“Wahai orang yang beriman! Bertakwalah kamu kepada Allah S.W.T. dan tinggalkanlah sisa riba (yang belum dipungut), jika benar kamu orang yang beriman. Maka jika kamu tidak melakukan (perintah tinggalkan riba itu) maka ketahuilah Allah S.W.T. dan Rasul-Nya akan memerangimu dan jika kamu bertaubat, maka hak kamu ialah pokok asal harta kamu. Kamu tidak berlaku zalim kepada sesiapa, dan kamu juga tidak dizalimi oleh sesiapa.”

(Al-Baqarah[2:278-279])

benefit is applied to the total amount of the principal loan. The second situation occurs when the additional rate or benefit exceeds the total amount of the basic loan imposed due to the borrower's failure to pay the stated loan repayment amount at the agreed time.

To illustrate the first situation, let's say Mr. Ikram has applied for a loan of RM10,000 from a conventional bank and is required to make a repayment of RM18,000. Therefore, the excess over the principal of the loan of RM8,000 is regarded as usury. In the second situation, say Mr. Ikram sells a car priced at RM40,000 for deferred payments over five years. If the buyer is not able to repay within the promised window, Mr. Ikram prolongs the repayment period by increasing the amount of debt that must be repaid by the buyer. The increase in the debt to be repaid is usury.

IMPACTS OF USURY

Allah S.W.T. and His Prophet have Declared War on Practitioners of Usury:

“O you who believe! Fear Allah, and give up what remains of your demand for usury, if you are indeed believers. If you do it not, take notice of war from Allah and His Messenger: but if you turn back, you shall have your capital sums: deal not unjustly, and you shall not be dealt with unjustly.”

(Al-Baqarah[2:278-279])

Ayat ini jelas menunjukkan bahawa sesiapa yang enggan meninggalkan saki baki riba yang telah atau akan diambilnya maka Allah S.W.T. memberi amaran untuk memerangi mereka. Maka barangsiapa yang mengambil riba dan tidak juga meninggalkannya, ianya seperti memerangi Allah S.W.T. dan Rasul-Nya. Seperti tafsiran Ibnu Abbas: "Akan dikatakan kepada pemakan riba di hari kiamat: Ambillah senjata kamu untuk berperang dengan Allah S.W.T."

Imam Malik bin Anas pula berkata: "Telahku membuka lembaran-lembaran Kitab Allah S.W.T. dan Sunnah Nabi S.A.W. dan tidakku dapati (dosa) yang lebih buruk daripada riba, kerana Allah S.W.T. mengisyiharkan ataupun mengizinkan perang ke atasnya."

Imam Hanifah berkata: "Inilah ayat di dalam Al-Quran yang paling menakutkan."

Kehilangan berkat harta dan kehidupan:

"Allah susutkan riba, dan mengembangkan sedekah. Dan Allah tidak suka kepada setiap orang yang kekal terus dalam kekufuran, dan selalu melakukan dosa."

(Al-Baqarah[2:276])

Sabda Nabi S.A.W:

"Sesungguhnya riba walaupun lumayan (dari sudut kuantiti) tetapi hasilnya ia akan membawa kepada sedikit dan papa"

(Riwayat Ahmad dan Al-Hakim)

Dalil-dalil di atas jelas menerangkan para pengamal riba ditarik akan keberkatan harta benda, sama ada hartanya akan mudah hilang dirompak, dicuri, dikhianat atau habis tanpa dirasai. Selain itu, dia juga akan merasa miskin dan fakir walaupun mempunyai banyak wang.

This verse clearly shows that Allah S.W.T. has warned that he will declare war on those who refuse to abandon usury that has been or will be consumed. Therefore, those who have consumed usury (riba) and have still not renounced it are defying Allah S.W.T. and His Prophet. Ibnu Abbas said: "It will be said to the riba takers during Judgement Day: Take your weapons for you have to fight against Allah S.W.T."

"Imam Malik bin Anas has stated: " I have opened the pages of the Book of Allah S.W.T. and the Sunnah of Prophet's (S.A.W.) and I have not found (sins) much worse than usury, as Allah S.W.T. declares and allows war upon it"

Imam Hanifah has stated: This is the verse in the Al-Quran that is most dreadful".

The loss of blessings in property and life:

"Allah will deprive usury of all growth, but will give increase for deeds of charity; for He loves not creatures ungrateful and wicked."

(Al-Baqarah[2:276])

According to the Prophet S.A.W:

"Although usury is profitable (from the angle of its quantity), but the result is little and leads to poverty"

(Narration Ahmad and Al-Hakim)

These proofs clearly explain that practitioners of usury will be deprived of material blessings. For instance, his wealth will be vulnerable to robbery or theft, or will simply run out without him realising it. He may also be betrayed. Furthermore, he or she may feel poor and impoverished despite being wealthy.

Seperi berzina dengan ibu bapa sendiri:

Sabda Nabi S.A.W:

“Riba mempunyai 73 pintu. Riba yang paling ringan dosanya ialah seperti seorang lelaki berzina dengan ibunya.”
(Riwayat Ibn Majah)

Amaran Rasulullah S.A.W. di atas amat berat dan besar dosanya sehingga Rasulullah S.A.W. mengumpamakan pengamal riba adalah seperti berzina dengan ibunya padahal ia merupakan riba yang paling ringan dosanya.

Lebih berat dari 36 kali berzina:

Sabda Nabi S.A.W:

“Satu dirham riba yang dimakan oleh seorang lelaki dalam keadaan ia mengetahuinya lebih buruk daripada berzina sebanyak 36 kali.”
(Riwayat Ahmad dan Darulqutni)

Satu lagi amaran Rasulullah S.A.W. akan kedahsyatan pengamal riba ialah dosanya lebih buruk dari 36 kali berzina. Justeru, ia menggambarkan betapa besarnya dosa seorang pengamal riba. Maka, umat Islam harus menjauhkan diri dari mengamalkan riba.

Salah satu dari tujuh dosa besar:

Sabda Nabi S.A.W:

“Jauhilah tujuh dosa besar; syirik, sihir, membunuh tanpa hak, makan harta anak yatim, makan riba, lari dari medan perperangan (kerana takut) dan menuduh perempuan yang suci dengan zina (tanpa saksi adil)”
(Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)

Betapa besarnya dosa seorang pengamal riba itu, bilamana Rasulullah S.A.W. menyamakannya dengan syirik kepada Allah S.W.T, membunuh, dan sebagainya. Ia amat jelas akan pengharamannya yang perlu ditinggalkan dan dijauhi oleh umat Islam khususnya.

Usury is like committing adultery with one's own parents:

The Prophet S.A.W. has mentioned:

“Usury has 73 doors. The usury with the lightest weight of sin is equal to a man who commits adultery with his own mother”.

(Narrated by Ibn Majah)

This warning from the Prophet is dire and the sin is so immense that Rasulullah S.A.W. drew a parallel between the practitioner of usury and the one who commits adultery with one's own mother, although this is the lightest form of usury.

Usury is worse than committing adultery 36 times:

The Prophet S.A.W. has mentioned:

“A dirham of usury taken by a man within his knowledge is worst than committing adultery 36 times”.

(Narrated by Ahmad and Darulqutni)

The wickedness of the usury practitioner is such that the Prophet S.A.W. warned that the sin is far worse than committing adultery 36 times. Such a comparison highlights the magnitude of the sin of one who consumes or practices usury. Muslims are thus advised to distance themselves from usury.

One of the seven major sins:

The Prophet S.A.W. has mentioned:

“Stay away from the seven major sins, deviance (syirik), sorcery , killing without rights, feeding off the assets of orphans, taking usury, running away from the battlefield (out of fear) and accusing an innocent woman of committing adultery (without fair witness)”

(Narration of Al-Bukhari and Muslim)

Such is the wickedness and evil of practicing usury that the Prophet S.A.W. equated this sin as being equivalent with deviance towards Allah S.W.T, murder, etc. The prohibition of usury has been stated very clearly and the practice of usury must be renounced, specifically by the Muslims.

RIBA DALAM SYARIAT YAHUDI DAN MASIHI

Riba dalam Syariat Yahudi

- Syariat Yahudi mengharamkan pengenaan riba secara tegas di mana barang siapa yang berurusniaga dengan riba dianggap terkeluar daripada agama mereka.
- Bagi mereka, adalah wajib hukumnya bagi orang-orang Yahudi meminjamkan kepada saudaranya sesama Yahudi kerana menolong orang yang kezuruan.
- Bagi mereka juga, memberikan pinjaman kepada yang benar-benar memerlukan adalah lebih besar pahalanya daripada bersedekah kepada orang-orang miskin.
- Termaktub di dalam kitab mereka bahawa:

“(Tuhan berkata): Jika kamu meminjamkan wang di antara kamu kepada salah satu dari orang-orangKu yang memerlukannya, maka janganlah kamu berbuat seperti yang dilakukan pemberi pinjam wang (dengan mengekan bunga), jangan dibebankan bunga kepada peminjam itu.”

*(Exodus [22:25])
Versi Internasional Baru*

“Janganlah engkau memberi hutang saudaramu dengan mengambil riba, baik riba emas, riba makanan atau segala sesuatu yang dihutangkan dengan riba...”

(Kitab Deuteronomy [23:19])

Riba dalam Syariat Masihi

Sesungguhnya telah sepakat para ahli-ahli agama tentang pengharaman yang jelas terhadap riba dan dilarang bermuamalah dengannya. Ini termaktub dalam kitab mereka bahawa:

USURY FROM THE PERSPECTIVES OF JUDAISM AND CHRISTIANITY

Usury from the Jewish Viewpoint

- *The Shariah of the Jews has affirmed the prohibition of usury, whereby those who trade in usury are regarded as being excommunicated from their religion.*
- *Their religion makes it compulsory for the Jews to lend to their fellow Jews who are facing difficulties.*
- *Providing a loan to those in need earns a bigger reward compared to giving alms to the poor.*
- *Their holy book states that:*

(God states): If you loan some money among yourselves to any one of my people who are in need, then do not do commit the thing moneylenders would (charging interest), do not burden them with usury to the debtor”.

*(Exodus [22:25]),
The New International Version*

“Do not loan to your brothers by taking in Usury, be it in the form of gold, food or every single thing that is owed with it”

(Deuteronomy Book: [23:19])

Usury from the Christian viewpoint

There is a consensus among religious experts on the clear prohibition of usury and that dealing (muamalat) in usury is forbidden. This is determined in their holy book that states:

“Jika ada salah satu dari rakyat bangsamu menjadi miskin dan tidak mampu untuk menghidupi dirinya, bantulah dia seperti halnya kamu (membantu) orang asing atau pendatang, hingga ia dapat melanjutkan kehidupannya di antara kamu. Janganlah mengambil sesuatu bunga darinya, tetapi takutlah kepada Tuhanmu, sedemikian sehingga penghuni desamu dapat melanjutkan untuk tinggal (hidup) di antara kamu. Kamu tidak boleh meminjamkan wang kepadanya dengan berbunga atau menjual makanan padanya dengan suatu laba.”

(Leviticus [25:35-37])

“Dan jikalau kamu meminjamkan sesuatu kepada orang, kerana kamu berharap akan menerima sesuatu daripadanya, apakah jasamu? Orang-orang berdosa pun meminjamkan kepada orang-orang berdosa, supaya mereka menerima kembali sama banyak.”

(Lukas [6:34])

“If there is any one of the people of your race falls into poverty and is incapable of sustaining himself, help him the way you would foreigners or visitors, until he is able to sustain himself among you. Do not take any (usury) from him, but do fear your God, in such a way until your fellow villagers will continue to stay among yourselves. You cannot loan him any money with interest or selling food to him on usury”

(Leviticus [25:35-37])

“And if you lend someone something, and hoping that you will get something in return, what will be your good deed? Sinners also loan things to other sinners, so that they will get back the things in the same quantity or amount”

(Lukas [6:34])

Hikmah Pengharaman Riba

Dari Perspektif Kemanusiaan

- Pengharaman riba atau apa-apa saja nama lain bagi riba adalah untuk mengelakkan penindasan pihak yang mempunyai wang ke atas orang yang memerlukan. Perkara ini jelas bercanggah dengan kepentingan kemanusiaan kerana peminjam tiada pilihan melainkan terpaksa membayar lebih dari apa yang diperolehi dalam pertukaran.
- Pihak yang memakan riba akan bertambah kaya dan senang, hasil gandaan dan percambahan wang yang dipinjamkan. Golongan kaya yang mampu memberi pinjaman akan bertambah kaya dari hari ke hari, manakala golongan yang meminjam wang akan terus miskin akibat percambahan riba dari pinjamannya.
- Amalan riba akan menanam sifat malas bekerja. Riba akan mendorong pemakannya hidup senang-lenang tanpa bekerja dan berusaha sedangkan Islam menggalakkan umatnya untuk berusaha dan bekerja.
- Dari sudut kemasyarakatan, riba boleh merenggangkan dan merosakkan perhubungan di antara orang kaya pemakan riba dengan orang miskin seterusnya akan menimbulkan kekacauan di dalam masyarakat dan negara. Maka timbullah dari situ rompakan, pembunuhan, tekanan terhadap golongan kurang mampu dan lenyapnya keadilan dalam urus niaga. Sebagai contoh, negara kita digemparkan dengan pelbagai jenayah yang dilakukan oleh Ah Long (ceti haram atau pemberi pinjaman wang tidak berlesen) terhadap penghutang. Akibat penghutang tidak membayar hutang mereka sanggup menyerang, mengurung, merantai, memotong tangan, membunuh, dan melakukan pelbagai kezaliman lain terhadap para penghutang dan keluarga mereka.
- Hilang nilai-nilai kebajikan, tolong menolong dan kerjasama dalam masyarakat. Hal ini berlaku akibat kesan daripada ketamakan manusia mengejar wang yang disuburkan melalui sistem riba. Mereka sanggup menindas insan lain untuk kekayaan sendiri. Akibat dari itu manusia saling bermusuhan sehingga menghilangkan nilai kebajikan dan tolong menolong antara masyarakat.

The blessings in The Prohibition Of Usury and the benefits thereof

From the humanitarian perspective

- *Prohibiting usury or usury under other names aims to prevent the moneyed classes from oppressing those in need. Usury is clearly at odds with human rights since debtors have no choice but to repay more than what he or she has gained in the exchange.*
- *The parties that practice usury will inevitably be richer and well-off. Those who consume interest live in ease and luxury, as a result of the growth of their loans. The rich who are able to lend get richer by the day, whereas debtors and those in desperate need remain trapped in poverty as a result of interest accumulating on the money they owe.*
- *The practice of usury will instill the trait of idleness. Usury encourages its practitioners to live in idle luxury without working, whereas Islam encourages Muslims to strive and work.*
- *From a social point of view, usury creates distance and animosity between the poor and the rich who consume riba, and could subsequently incite social unrest, which manifests itself through robbery, murder, oppression of the disadvantaged, and the erosion of justice and fairness in business dealings. For example, we hear frequent reports of crimes being committed by Ah Long (illegal, unlicensed money lenders) against debtors who are unable to repay their loans. Debtors are victimised by these loan sharks who resort to attacking, incarcerating, restraining, mutilating, and even murdering these debtors and their families.*
- *Usury erodes charitable values as well as the spirit of compassion and cooperation in society, as a result of avarice and greed. People are obsessed with accumulating the money generated by a system rooted in usury, and become willing to oppress others for their own benefit. In other words, this internecine competition fueled by usury has destroyed compassion and benevolence.*

Dari Perspektif Ekonomi

- Keseluruhan sistem ekonomi akan menjadi rapuh kerana aktiviti ekonomi sebenar tidak jelas sama sekali.
- Sistem riba menghalang orang ramai dari terbabit secara langsung dengan aktiviti ekonomi sebenar.
- Apabila keadilan, ketelusan, dan keseimbangan dalam sistem ekonomi dinafikan, lihatlah bagaimana krisis ekonomi dunia yang dihadapi oleh masyarakat antarabangsa tatkala ini.
- Menyebabkan krisis sub prima yang teruk akibat lambakan kredit tanpa kawalan.
- Mendedahkan sistem ekonomi kepada risiko kejatuhan yang sangat berbahaya.
- Sistem riba akan menghancurkan dan memberi impak yang negatif di mana ia akan meruntuhkan pandangan masyarakat terhadap keyakinan kepada sistem ekonomi yang sebenar.
- Menghambat negara ke arah kemelesetan ekonomi untuk kali yang seterusnya dengan kewujudan kelompongan nilai ekonomi sebenar berbanding transaksi kewangan.

From the Economic Perspective

- *The entire economic system becomes fragile and vulnerable as real economic activities are obscured by usury.*
- *The usury-based system makes it difficult for people to participate in real economic activities.*
- *The sidelining of justice, transparency, and balance in the economic system were factors in the global financial crisis of which the people are currently facing.*
- *Uncontrolled granting of credit in pursuit of high returns led to a devastating sub-prime crisis.*
- *The economic system is exposed to high volatility risks.*
- *The breakdown of the usury system has destroyed credibility and reputation, and caused an erosion of public trust and credibility both in the financial sector and in the real economy.*
- *Usury raises the risks of subsequent economic downturns by perpetuating the gap between real economic values and inflated financial transactions.*

BAGAIMANA SISTEM ISLAM BOLEH MENGATASINYA?

- Sistem ekonomi Islam adalah sistem yang menjalankan aktiviti ekonomi yang melibatkan urus niaga pertukaran barang berdasarkan transaksi sebenar. Ia bukanlah berteraskan riba yang bersifat atas angin dan melahirkan wang bukan dari aktiviti transaksi perniagaan. Bahkan membenarkan urus niaga kredit secara berleluasa. Keadaan ini membuka ruang spekulasi yang berlebihan dan perkembangan industri riba yang akhirnya jatuh merudum.
- Sistem Islam tidak menggalakkan pengguna berhutang, dan menanggung bebanan kredit yang melampau. Justeru, sistem perbankan Islam tidak membenarkan kita memberikan kemudahan pembiayaan kepada mereka yang tidak mempunyai potensi untuk membayar semula. Hal ini betepatan dengan sistem pengurusan risiko di dalam ekonomi yang boleh mengelakkan krisis kredit dan sub-prima.
- Sistem Islam tidak membenarkan janji pulangan tetap dalam pelaburan. Walau pada awalnya kelihatan menguntungkan tetapi pada hakikatnya ia membebankan semua pihak terutamanya pihak yang berjanji. Hal ini bukan sahaja dapat mengelakkan bebanan hutang oleh pihak berjanji akibat kerugian, bahkan menggalakkan aktiviti ekonomi bercambah melalui aktiviti transaksi sebenar.
- Islam mengharuskan mudharabah dan musyarakah dalam pelaburan, yang mana ianya mempunyai ciri-ciri pengawalan yang unik, adil dan saksama. Berlawanan sama sekali dengan sistem riba dan kapitalis.

HOW DOES THE ISLAMIC SYSTEM OVERCOME USURY?

- *The Islamic economic system conducts economic activities involving the exchange and trading of goods and services based on real transactions. It is not based on usury which is 'imaginary' and creates an increase in money that does not originate from business activities. Furthermore, usury allows widespread use of credit-based trading, which facilitates excessive speculation and the flourishing of usury-concentrated industries that will eventually decline.*
- *The Islamic system does not encourage customers to be in debt, and to shoulder excess debt. Thus, the Islamic banking system is not allowed to offer repayment facilities to those who lack the ability to make repayments. This is in line with economic risk management systems that aim to prevent credit and sub-prime crises.*
- *The Islamic system does not permit guaranteed returns or profits on investment. Although fixed returns seem less risky, in reality it burdens all parties, especially the vendor of the investment. Forbidding the practice of guaranteed returns relieves the burden on the vendor and encourages sustainable economic growth founded on real transactions.*
- *Islam encourages mudharabah and musharakah in investment. These concepts are characterised by unique, just and fair controls, in complete contrast to the prevailing system of usury and capitalism.*

NILAI-NILAI SYARIAH SELARI DENGAN NILAI-NILAI SEJAGAT

SHARIAH VALUES ARE IN HARMONY WITH UNIVERSAL VALUES

Elemen-Elemen Asas Kewangan Islam

The Basic Elements of Islamic Finance

- Hubungan terus dengan ekonomi yang sebenar
Directly related with the real economy
- Kepastian – disokong dengan aktiviti dasaran (terhindar daripada unsur-unsur ketidakpastian)
Certainty- supported by underlying activities (free from elements of uncertainty)
- Melarang proses “leveraging” yang melampau.
Forbids overleveraging
- Matawang tidak diiktiraf sebagai komoditi
Currencies are not recognised as commodities

- Terhindar daripada aktiviti yang tidak beretika seperti “hoarding”
Forbids unethical activities such as “hoarding”

- Terhindar daripada aktiviti perjudian, barang-barang dan perkhidmatan yang tidak patuh Syariah.
Does not permit gambling and items and services that are not Shariah-compliant

- Proses penyaringan yang patuh Syariah di dalam aktiviti pelaburan
Applies shariah-compliant investment filters to sift out non-permissible investments

- Toleransi dengan pelanggan yang mengalami kesukaran
Tolerance towards customers facing financial difficulty

- Ketelusan dan keterbukaan
Transparent and open
- Tambahan kepada urus tadbir Syariah
Shariah management is an add-on
- Risiko-risiko yang unik
Unique risks to Islamic finance
- Fidusiari & kebertanggungjawaban
Fiduciary and responsibilities
- Menitikberatkan dokumentasi dan kontrak yang jelas bagi kesesuaian dan kestabilan
Emphasis on documentation and clarity of contracts that promote fittingness and stability

- Hubungan kontraktual yang berbeza
Different contractual relationships
- Transaksi berdasarkan ekuiti & perkongsian risiko
Transactions are based on equity and risk-sharing
- Ciri-ciri seperti terma-terma penting dalam perkongsian seperti pembahagian keuntungan dan risiko akan dinyatakan dengan jelas. Ia berperanan sebagai mekanisme tambahan
Criteria such as important conditions for the distribution of profit and risks will be stated clearly. This serves as an additional control mechanism.

Sumber: Bank Negara Malaysia (BNM)

Source: Central Bank of Malaysia (BNM)

Menjalankan Aktiviti Ekonomi yang Sebenar

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan mempunyai kaitan dan hubungan sebenar dengan sistem ekonomi. Aktiviti yang dijalankan juga adalah terhindar daripada unsur-unsur ketidakpastian di mana setiap transaksi yang dijalankan adalah berteraskan dan berdasarkan konsep-konsep Syariah yang jelas. Di samping itu, sistem kewangan Islam melarang unsur "leveraging" yang melampau dan tidak mengiktiraf matawang sebagai komoditi dalam sesuatu transaksi.

Urus Tadbir

Sistem ekonomi Islam sama ada dalam perbankan dan kewangan dijalankan dengan penuh ketelusan dan keterbukaan di mana terdapat badan-badan penyeliaan yang akan mengawal dan mentadbir sistem ini dengan garis panduan yang lengkap dan pengurusan risiko yang unik. Selain daripada itu, sistem ekonomi Islam berpegang teguh kepada tanggungjawab dan fidusiari (amanah) dan di mana hak-hak pihak yang terlibat adalah terjamin. Tambahan lagi, sistem yang syumul ini sangat menitikberatkan proses dokumentasi yang jelas dan kontrak-kontrak dasaran yang komprehensif dan sesuai.

Etika

Etika ataupun akhlak adalah elemen penting yang menjadi prinsip utama dalam sistem kewangan Islam. Segala jenis aktiviti yang jelas bertentangan dengan Syara' dan nilai-nilai murni adalah sama sekali dilarang. Sebagai contoh, perjudian, pengambilan riba dan transaksi yang melibatkan aset-aset dan perkhidmatan yang tidak patuh Syariah. Proses tapisan dan pemantauan juga dibuat dalam mengenalpasti aktiviti pelaburan sama ada patuh Syariah atau tidak. Selain itu, kemaslahatan dan kebajikan para pelanggan juga dititikberatkan.

Perkongsian Perniagaan

Setiap usaha sama perkongsian yang dijalankan adalah berasaskan hubungan kontraktual yang berbeza-beza, bergantung kepada terma dan syarat yang akan mengikat pihak rakan kongsi yang terlibat. Pembahagian keuntungan dan kerugian akan mengambil kira kepentingan ekuiti dan

Real Economic Activities

Islamic finance activities have a link and real connection with the economic system. These activities are also free of elements of uncertainty whereby each transaction is based on defined Shariah concepts. In addition, the Islamic financial system forbids overleveraging and does not recognise currencies as commodities in a transaction.

Management

The Islamic economic system, whether it pertains to banking or finance, is implemented with transparency and openness. Supervisory and regulatory bodies control and regulate the system benchmarked by complete guidelines and a unique risk management system. The Islamic economic system also discharges its fiduciary (trustworthy) and responsibilities whereby the rights of the parties involved are guaranteed. Being complete or perfect (syumul), the Islamic finance system also places a high priority on clarity of documentation and underlying contracts which are comprehensive and fitting.

Ethics

Ethics or morality is the main pillar of Islamic financial system. All activities that conflict with the Shara' and good values are prohibited. Examples include gambling, usury and transactions which involve assets and services which do not conform to Shariah. Filtering and monitoring processes must be carried out to identify investment activities that comply with shariah and sift out those that do not. Islamic finance also places a priority on exercising good judgement and safeguarding the welfare of customers.

Business Sharing

In Islamic finance, each joint venture is executed based on diverse contractual relationships that vary according to the terms and conditions that bind the parties involved. The distribution of profit and loss will take into account the importance of equity

perkongsian risiko dalam sesuatu transaksi. Terma-terma penting dalam perkongsian seperti pembahagian keuntungan dan risiko akan dinyatakan dengan jelas dari mula bagi mengelakkan sebarang pertikaian antara pihak rakan kongsi.

and risk-sharing in each transaction. Important contractual conditions such as the distribution of profits and risks will be stated very clearly from the beginning to avoid any future dispute amongst the partners.

PANDANGAN TOKOH-TOKOH MENGENAI RIBA DAN PERBANKAN ISLAM

Kewangan Islam Alternatif Terbaik

"Sistem kewangan Islam seperti Takaful, Sukuk, Ar Rahnu dan pelbagai instrumen, ternyata telah menjadi alternatif terbaik dalam berhadapan dengan krisis semasa. Diharapkan dengan krisis yang sedang hebat melanda ekonomi dunia akan membuka jalan kepada penemuan baru yang lebih universal serta adil."

Dato' Sri Haji Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak
Utusan Malaysia, 15 Januari 2009

Potensi Kewangan Islam di Tengah-Tengah Kemelesetan Ekonomi

"Prospek kewangan Islam berterusan menunjukkan perkembangan yang positif walaupun terdapat pelbagai cabaran di peringkat antarabangsa. Masalah krisis kewangan global telah menyebabkan peningkatan permintaan bagi sistem perbankan yang lebih telus yang tertakluk kepada pengawalan yang lebih tegas dan praktis pengurusan risiko. Berikutnya daripada reformasi kewangan ini, dunia melihat kelainan dalam sistem perbankan yang berbeza dengan sebelum tercetusnya krisis kewangan. Banyak struktur yang dibincangkan baru-baru ini yang secara terbuka menerapkan keperluan-keperluan Syariah"

Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

PERSONALITIES VIEWPOINTS ON USURY AND ISLAMIC BANKING

Islamic Finance - the Best Alternative

"The Islamic finance system like the Takaful, Sukuk, Ar Rahnu and various other instruments have clearly been the best alternative in facing the current crisis. It is hoped that this crisis which is affecting the world's economy, will open up new discoveries that are more universal and justice"

Dato' Sri Haji Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak
Utusan Malaysia, 15th January 2009

The Potential of the Islamic Finance In The Midst of Economic Meltdown

"The prospect of Islamic finance has shown continuous positive growth despite the fact that there have been a lot of challenges at the international level. The issues regarding the global financial crisis have led to the increase in demand for a more transparent banking system confined on a more stringent monitoring and risk-management that is more practical. Following this financial reformation, the world sees a difference in the banking system compared to the period before the financial crisis. Many structures have been discussed recently which have openly instilled the requirements of Shariah."

Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
The Governor, Central Bank of Malaysia

Eтика Kewangan Islam

"Prinsip etika yang menjadi dasar kepada kewangan Islam boleh mendekatkan institusi perbankan dengan para pelanggan mereka dan tujuan sebenar yang akan memberikan kesan kepada setiap perkhidmatan "

Akhbar Rasmi Vatican
Osservatore Romano Bloomberg, 4 Mac 2009

Keadaan Pasaran Global

"Keadaan pasaran global semasa telah memberikan Kewangan Islam satu peluang yang hebat untuk membuktikan sumbangannya dalam memenuhi ruang-ruang kosong dalam masalah kecairan aset."

David Testa
Ketua Eksekutif Bank Gatehouse, Bank Islam ke-5 di Britain

Pope atau Al-Quran (Le Pape Ou Le Coran)

Berikutan krisis kewangan yang melanda indeks-indeks pasaran, kita perlu merujuk kepada al-Quran sebagai alternatif kepada teks-teks Paus atau Vatican (bagi memahami apa yang berlaku ke atas kita dan juga bank-bank sejagat). Nescaya jika pegawai-pegawai bank yang merebut keuntungan di atas ekuiti pemegang saham menghormati serba-sedikit hukum-hakam Syariah, kami tidak akan menghadapi situasi kemerut sedemikian.

Vincent Beaufils
Ketua Pengarang Challenges

"Riba diharamkan kerana riba boleh menghalang orang ramai dari terlibat secara langsung dengan aktiviti ekonomi sebenar".

Imam Al-Ghazali, Ilmuwan Islam

"Rom membahagikan barang kepada 2 bahagian iaitu barang yang boleh digunakan (consumable) dan barang yang tidak boleh digunakan (non-consumable). Makanan

The Ethics of Islamic Finance

"The ethical principle that has become the foundation to the Islamic finance may be able to form a close relationship between the banking institution with their customers and the real purpose that can leave an impact to every service."

Vatican's Official Newspaper
Osservatore Romano Bloomberg, 4th Mac 2009

The State Of The Global Market

"The current global market conditions have given Islamic finance a great opportunity to show what it can do-help to fill the liquidity gap"

David Testa
Gatehouse Bank CEO, The 5th Islamic Bank in Britain

The Pope or the Quran (Le Pape Ou Le Coran)

"As the financial crisis sweeps across all growth indexes, it is the Koran which we need to read again rather than the papal texts. Because, had our bankers, eager for profitability on stockholders' equity, respected, at least a little, the Shariah, we would not be in this situation".

Vincent Beaufils
Challenges' Editor-in chief

"Usury is prohibited because it can prevent the public from getting directly involved with real economic activities."

Imam Al-Ghazali, Muslim Prominent Scholar

"The Roman Empire divided items into two portions which are consumable items and non-consumable items. Food and clothes when used or worn will finish or rot. Land is non-consumable

dan baju bila dipakai, maka ia akan habis atau rosak. Tanah pula tidak boleh digunakan (habis atau rosak seperti baju dan makanan) tetapi kita boleh mengusahakan pelbagai tanaman saban tahun dan nilainya sentiasa berkekalan. Duit (medium of exchange) adalah barang yang boleh digunakan. Justeru, membuat untung dari (pinjaman) duit adalah bertentangan dengan undang-undang natural."

St. Thomas Aquinas , Paderi Katolik Itali

"Riba juga adalah bersalah dengan falsafah 'natural law' dan juga agama-agama lain yang ada di dunia ini."

St. Thomas Aquinas, Paderi Katolik Itali

"pecunia non parit pecumiam' – Duit tidak melahirkan duit."

St. Ambrose

"Duit tidak boleh beranak. Ia tidak sepatutnya berkembang seperti mana lembu berkembang (beranak)."

Aristotle

(it does not finish or not like food or clothes) but we can work on the land to plant crops every year and the value is (loans of money) is against the natural law."

St. Thomas Aquinas, Italian Catholic Priest

"Usury is also against the philosophy of natural law and the other religions in the world."

St. Thomas Aquinas, Italian Catholic Priest

Money does not produce (beget) money."

St. Ambrose

"Money cannot grow. It is not supposed to expand the way the cows do."

Aristotle

PENUTUP

Sedarilah betapa besarnya dosa riba, dan muhasabahlah diri kita dan pengurusan kewangan kita sebaiknya. Untung di dunia tidak berguna jika seksa di alam barzakh dan di akhirat yang amat panjang tempohnya menanti.

Akhir kalam, diharapkan dengan adanya panduan ringkas mengenai riba seperti ini dapat membuka mata umat Islam tentang kecelakaan yang akan menimpa sekiranya kita berterusan mengambil dan terlibat dengan sesuatu yang jelas pengharamannya di dalam Al-Quran dan Al-Sunnah.

Semoga para pembaca mendapat manfaat daripada penghasilan terbitan ini dan dengan ilmu yang diperolehi dapat disebarluaskan. Sebagaimana pesanan Rasulullah S.A.W, sampaikanlah walaupun hanya sepotong ayat.

Wallahu'alam dan wassalam.

CONCLUSION

The sin of riba is tremendous, and it is incumbent upon us to review our finances and manage them in the manner prescribed by Islam. Material profits in this world are worthless if our recompense is eternal torture in barzakh and the afterlife.

It is hoped that this brief treatise on usury (riba) will open the eyes of Muslims everywhere to the woes that may befall us if we continue to condone and participate in an act that is clearly forbidden in the Al-Quran and Al-Sunnah.

May all our readers benefit from this publication and spread the knowledge gained, in line with the advice of Rasulullah S.W.T: "Deliver, even if it is only a verse".

Wallahu a'lam and wassalam.

GLOSARI

GLOSSARY

Al-'adlu	Adil/Fair	
Al-buyu'	Jual beli/Trading	
Al-duyun	Hutang piutang/Debts	
Al-ihsan	Bertimbang rasa/Compassion	
Al-Quran	Kitab suci yang diturunkan oleh Allah S.W.T. kepada Nabi Muhammad S.A.W. untuk menjadi panduan hidup manusia di dunia dan akhirat/ <i>The holy book sent down by Allah S.W.T. to the Prophet of Muhammad S.A.W. to serve as a guide for mankind in the world and in the afterlife.</i>	
batil	Terbatal atau tidak sah/Null and void	
dalil	Bukti, hujah Syariah/ <i>Facts, debates of the Shariah</i>	
dharurah	Keadaan terpaksa/ <i>A forced state/situation</i>	
fiqh	Ilmu yang menerangkan hukum syara' yang amali yang diambil dari dalil-dalil yang terperinci/ <i>Knowledge that explains about the practical aspect of the Syara' laws taken from detailed facts and concrete evidence</i>	
fugaha	Ulama yang pakar dalam bidang fiqh/ <i>Expert scholars in the field of fiqh</i>	
gharar	Ketidakpastian atau unsur penipuan yang berlaku dalam akad jual beli akibat kejahanan terhadap barang, harga atau perkhidmatan/ <i>Uncertainty or element of deception that occurs in the trading aqad (agreement) due to one's ignorance towards the item, pricing or service</i>	
hadis/ Al-sunnah	Perbuatan, kenyataan atau ikrar Nabi Muhammad S.A.W. yang diriwayatkan oleh sahabat-sahabatnya untuk menjelaskan atau menentukan sesuatu hukum/ <i>Actions, statements or proclamation of the Prophet Muhammad S.A.W. narrated to his companions to explain or determine a law</i>	
halal	Hukum membenarkan sesuatu perbuatan dilakukan dalam Islam/ <i>The law of allowing an action to be carried out in Islam</i>	
	haram	Hukum tegahan dalam Islam yang dijanjikan ganjaran pahala bagi orang yang mematuhiinya dan dosa bagi orang yang mengingkarinya/ <i>The forbidden law in Islam whereby the persons who adhere to it are granted reward and the persons who challenge it are deemed sinful</i>
	hibah	Hadiyah atau memberi pemilikan sesuatu barang atau manfaat tanpa sebarang tukaran semasa hayat pemberi/ <i>A gift or giving the ownership of an item or benefit without any exchange throughout the giver's course of life</i>
	hoarding	Aktiviti mengumpul dan menyimpan barang dengan niat atau tujuan yang tidak baik/ <i>The activity of collecting and keeping an item with unkind intentions or purposes</i>
	hukum	Ketetapan Syariah/ <i>The obligations of the Shariah</i>
	ijtihad	Daya fikir dan usaha bersungguh-sungguh, yang digembles oleh ulama' yang layak untuk menghasilkan penetapan sesuatu hukum Syara' secara tepat dalam perkara yang tidak dinyatakan secara jelas, sama ada dalam Al-Quran atau Al-Sunnah/ <i>The thinking capability and hard-earned efforts generated by certified scholars to produce a confirmed decision on a Syara' law accurately in matters stated in ambiguity, whether in the Al-Quran or the Sunnah.</i>
	illah	Alasan atau sebab/ <i>Excuses or reasons</i>
	jinayat	Hal ehwal jenayah/ <i>Criminal matters</i>
	khalifah	Pemimpin atau seseorang yang diamanahkan atau dipertanggungjawabkan oleh Allah untuk mengurus dan mentadbir dunia ini mengikut Syariat Allah/ <i>A leader or a person entrusted or given the responsibility by Allah to manage and administer the world, with close adherence to the Syari'a of Allah</i>
	leveraging	Menggunakan sumber yang ada untuk mengembangkan hasil daripada aktiviti kewangan yang dijalankan/ <i>Utilising the existing resources to expand the product from the economic activities conducted</i>

maqasid Syariah	Objektif-objektif Syariah (tujuan atau maksud sesuatu hukum) yang ingin dicapai oleh Syariah ketika menetapkan sesuatu hukum yang bertujuan menjaga kemaslahatan manusia/ <i>The Shariah's objectives (purpose or reason for a law/obligation) that the Shariah wishes to achieve when deciding on an obligation for the purpose of preserving the people's good values</i>	ribawi	Barang-barang yang boleh membawa kepada berlakunya riba/ <i>Items that can lead to the occurrence ofriba</i>
maslahah	Memutuskan sesuatu hukum berdasarkan prinsip kebaikan am pada perkara yang tidak terdapat nas secara jelas sama ada daripada Al-Quran atau Al-Sunnah/ <i>Deciding on a law (obligation) based on good principles on the things not available in the Quranic or Sunnah texts</i>	sukuk	Dokumen kewangan yang nilainya disandarkan kepada harta/ <i>Financial documents which values are referred to assets</i>
muamalat	Transaksi/ <i>Transaction</i>	syara'/syariah	Hukum dan peraturan Allah S.W.T. yang diturunkan melalui Al-Quran dan Hadis/ <i>The laws and order of Allah S.W.T. sent through the Al-Quran and hadith</i>
mudharabah	Kontrak yang dengannya pemilik modal menyerahkan modalnya kepada pengusaha untuk diusahakan dan keuntungan daripada perusahaan dikongsi oleh kedua-dua pihak berdasarkan syarat antara kedua-dua pihak/ <i>A contract, with which the capital owner hands over his capital to the entrepreneur to be worked on and the profit from the business is shared between the two parties based on the terms and conditions that are mutually agreed.</i>	syumul	Sempurna dan komprehensif, meliputi semua aspek/ <i>Perfect and comprehensive, covering all aspects</i>
munakahat	Hal ehwal perkahwinan/ <i>Marital issues /matters regarding matrimony</i>	takaful	Insurans yang didasarkan pada atau yang mengikut asas-asas dan hukum-hukum agama Islam/ <i>Insurance based on the basics and laws of Islam</i>
musyarakah	Akad perkongsian/ <i>Sharing agreement</i>	ulama'	Orang yang pakar dalam pengetahuan agama Islam/ <i>People who are knowledgeable and have the expertise in the knowledge of Islam</i>
nas	Teks Al-Quran atau hadis/ <i>The Quranic or Sunnah texts</i>		
rahnu	Akad untuk menjadikan suatu aset yang bernilai sebagai cagaran kepada hutang. Cagaran ini akan digunakan bagi tujuan pembayaran balik hutang jika penghutang gagal melunaskannya dalam tempoh yang telah ditetapkan/ <i>An agreement made to turn a valuable asset into a deposit of a debt. This deposit will be used for the repayment purpose if the debtor fails to repay in a stipulated time.</i>		
riba	Tambahan atau lebihan yang diperolehi oleh salah satu pihak daripada pihak yang lain tanpa mendapat imbalan yang wajar/ <i>An addition or excess gained by a party from another without obtaining the supposed balance</i>		

LAMPIRAN

APPENDIX

Jadual peraturan pertukaran barang-barang ribawi:
The table of ribawi items' exchange:

		MATAWANG CURRENCY			JENIS MAKANAN ASASI BASIC FOOD TYPES				
		Emas Gold	Perak Silver	USD	RM	Gandum Wheat	Barli Barley	Tamar Date	Garam Salt
MATAWANG CURRENCY	Emas Gold	●	●	●	●	○	○	○	○
	Perak Silver	●	●	●	●	○	○	○	○
	USD	●	●	●	●	○	○	○	○
	RM	●	●	●	●	○	○	○	○
JENIS MAKANAN ASASI BASIC FOOD TYPES		Gandum Wheat	○	○	○	●	●	●	●
		Barli Barley	○	○	○	●	●	●	●
		Tamar Date	○	○	○	●	●	●	●
		Garam Salt	○	○	○	●	●	●	●

Syarat mesti sama masa dan sama jumlah dan nilainya

The conditions specify that the exchange must take place at the same time and that items being exchanged are of the same value and/or amount

Syarat pertukaran antara keduanya mesti pada masa yang sama

The conditions specify that the exchange must take place at the same time

Bebas dari kedua-dua syarat di atas

The exchange is not subject to the above conditions

RUJUKAN

REFERENCES

Al-Quran Al-Karim

Arkip 2009, Kewangan Islam Alternatif Terbaik, Utusan Malaysia, 12 Januari 2009

Bank Negara Malaysia, Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam, 2010, Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.

<http://www.malaysiafx.org>

<http://www.pakdi.my>

Jabatan Perdana Menteri, 1987, Tafsir Pimpinan Al-Quran Kepada Pengertian Al-Quran, Ed.8, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri

Kamus Dewan, 1994, Ed. Ke-3, Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka

Kharufa, 'Ala Al-Din, 2009, Aqad Hutang Piutang Menurut Syariah Islam dan Undang-Undang Sivil, Terj. Muhammad Taufiq Yusuf Al-Fathani & Ibnu Muhammad El-Fandahani, Cresent News.

Mohd Razif Abd. Kadir, 2009, "Islamic Banking: Stock Taking & Charting the Future Landscape".

Suruhanjaya Sekuriti, Keputusan Majlis Penasihat Suruhanjaya Sekuriti, 2006, Ed. Ke-2, Kuala Lumpur: Suruhanjaya Sekuriti.

Zaharuddin Abd Rahman, 2008, Wang, Anda dan Islam, Selangor: Dolphin Press Sdn. Bhd.

Dicetak oleh:

Syarikat Percetakan Tass Sdn. Bhd

Lot 37670, Jalan 3/37A, Taman Bukit Maluri, Kepong

52100 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel : 03-6273 4348 | Faks : 03-6274 4348

Emel : enquiry@tass.com.my

Laman Web : www.tass.com.my



Bank Muamalat Malaysia Berhad
Jabatan Syariah
Menara Bumiputra, Jalan Melaka,
50100 Kuala Lumpur
Tel: 03-2698 8787

www.muamalat.com.my